



Zakaria (kiri) menyampaikan bantuan kepada warga tua.

Kastam Sabah dekati penduduk

FAKTA NOMBOR

60 orang

terima sumbangan JKDM

3 hari

program khidmat bakti masyarakat


1,700 km

luas pesisir pantai di Sabah



Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Zakaria Etris (tiga dari kiri) merasmikan Program Khidmat Bakti Masyarakat anjuran JKDM Sabah, di Sandakan

(FOTO POLIANA RONNIE SIDOM / BH)



» Maklumat penyeludupan daripada masyarakat memudahkan pihak berkuasa bertindak

Oleh Poliana Ronnie Sidom
poliana@bh.com.my

Program khidmat bakti masyarakat anjuran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah, baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk.

Program berlangsung selama tiga hari di Kampung Batu Putih, Sandakan itu diisi dengan pelbagai aktiviti yang berupaya menjadi medium bagi menjalin kerjasama erat antara penduduk dengan JKDM.

Antara pengisiannya termasuk acara sukan rakyat, pertandingan menyanyi, pemeriksaan kesihatan, gotong-royong membersihkan kawasan kampung, senamrobik dan ceramah keagamaan, selain isu berkaitan penyeludupan serta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Dalam program itu, seramai 60 orang kurang upaya (OKU), miskin dan warga tua menerima sumbangan barangan keperluan yang disalurkan oleh JKDM.

Jalin kerjasama erat

Turut menerima sumbangan ialah beberapa sekolah angkat JKDM dan Masjid Kampung Batu Putih.



“Program yang diadakan setiap tahun itu bertujuan membangunkan masyarakat setempat supaya celik mengenai peranan dan tanggungjawab dimainkan oleh JKDM”

Dr Janathan Kandok,
Pengaruh Kastam Sabah

Program itu turut membabitkan penyertaan beberapa agensi kerajaan termasuk Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Imigresen dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Pengaruh Kastam Sabah, Datuk Dr Janathan Kandok, berkata program yang diadakan setiap tahun itu bertujuan membangunkan masyarakat setempat supaya celik mengenai peranan dan tanggungjawab dimainkan oleh JKDM.

“Program ini juga membolehkan kita bekerjasama lebih erat dengan masyarakat setempat sesuai konsep ‘Kastam Pelanggan dan Stakeholders Didahulukan’.

“Kita juga dapat mewujudkan rangkaian pemberi maklumat daripada masyarakat setempat dengan berdasarkan kesedaran iaitu membanteras aktiviti penyeludupan adalah tanggungjawab bersama,” katanya.

Janathan berkata, inisiatif murni yang dilakukan oleh JKDM secara berterusan itu juga memberi peluang kepada agensi berkenaan mendekati penduduk, terutama pemimpin di peringkat akar umbi seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).



Demonstrasi unit K9 Kastam mengesan dadah.



Janathan (kiri) membakar rokok seludup sebagai gimik pelancaran operasi membanteras rokok seludup.